KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

UCAPAN PERASMIAN

YANG BERHORMAT DATUK CHANG LIH KANG
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMPENA
HARI INOVASI NUKLEAR MALAYSIA (HINM) DAN
TECHNOLOGY PREVIEW & SHOWCASE (TPS) 2026

28 OKTOBER 2026 (RABU) I MASA: 2.30 PETANG
DEWAN TUN DR. ISMAIL, AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

SALUTASI (akan dikemaskini)

Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu
Ketua Setiausaha,
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin
Ketua Pengarah,
Agensi Nuklear Malaysia.

Pengurusan Tertinggi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi,

Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian,

Wakil-Wakil dari pelbagai agensi kerajaan, universiti, institusi swasta dan persatuan,

Rakan-Rakan Media,

Serta Hadirin yang dihormati sekalian**.**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menjayakan **Hari Inovasi Nuklear Malaysia dan Technology Preview & Showcase 2026**. Syabas dan tahniah kepada Agensi Nuklear Malaysia serta jawatankuasa penganjur atas usaha merealisasikan program yang memperkukuh peranan sains, teknologi dan inovasi sebagai pemacu kemajuan negara.

2. Bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), kemajuan STI perlu diterjemahkan kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan rakyat serta kelestarian alam secara inklusif dan mampan.

3. Kedudukan Malaysia di **tangga ke 34 dalam *Global Innovation Index* (GII) 2026 daripada 139 ekonomi** mencerminkan usaha berterusan memperkukuh ekosistem inovasi negara. Pencapaian ini perlu mendorong kita untuk terus menghasilkan inovasi berimpak tinggi dan mempercepat pengkomersialan hasil penyelidikan demi manfaat rakyat.

Hadirin sekalian,

4. Teknologi nuklear mempunyai aplikasi luas dalam sektor tenaga, perubatan, pertanian, industri dan alam sekitar. Peranannya melangkaui penjanaan tenaga, termasuk meningkatkan produktiviti, menyokong pembangunan industri dan memperkukuh keupayaan STI negara.

5. Saya dimaklumkan bahawa Anugerah Inovasi Nuklear Kebangsaan menerima lebih daripada 50 penyertaan setiap tahun daripada agensi kerajaan, universiti, syarikat, sekolah dan kolej vokasional dari seluruh negara. Sambutan ini mencerminkan minat dan keyakinan terhadap teknologi nuklear serta pentingnya penggemblengan pengetahuan, kepakaran dan kreativiti dalam menghasilkan inovasi.

6. Sebagai acara tahunan, Hari Inovasi Nuklear Malaysia bukan sahaja mengiktiraf sumbangan para penyelidik dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I), malah menghubungkan hasil penyelidikan dengan keperluan industri dan pasaran. **Tema "Nuklear Untuk Rakyat (NUR)" menekankan bahawa kemajuan teknologi perlu membawa manfaat nyata kepada masyarakat**, selaras dengan Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030.

7. Dari sudut pencapaian ekonomi, **nilai eksport produk tempatan berkaitan teknologi nuklear bagi tempoh 2021 hingga 2025 merekodkan nilai kumulatif sebanyak RM6.21 bilion, melibatkan 348 syarikat pengeksport tempatan**.

8. Produk-produk ini telah menembusi pasaran antarabangsa, termasuk Singapura, Amerika Syarikat, Brunei, Jepun, Jerman, Belanda dan Thailand. Lebih membanggakan, nilai tersebut turut melepasi sasaran RM2.403 bilion bagi tahun 2030, sekali gus memperlihatkan potensi teknologi nuklear dalam memperkukuh industri berteknologi tinggi dan daya saing negara.

9. Bagi tempoh 2023 hingga 2026, Agensi Nuklear Malaysia turut merekodkan **41 kolaborasi dengan pelanggan industri, 44 perjanjian pengkomersialan serta 19 produk dan perkhidmatan yang telah dikomersialkan**. Antaranya ialah benih padi NMR152 yang berpotensi memberikan hasil tinggi serta toleransi terhadap penyakit dan cuaca tidak menentu, produk biobaja untuk meningkatkan pertumbuhan dan hasil tanaman, serta NuRust yang menukarkan karat kepada lapisan pelindung antikakisan.

10. Tahniah kepada pasukan pembangunan NuRust Agensi Nuklear Malaysia atas penampilan produk ini semasa *National Innovation and Commercialisation Expo* (NICE) 2026. Platform seperti ini meningkatkan keterlihatan hasil penyelidikan, memperluas jaringan industri serta membuka peluang kerjasama dan pasaran.

Hadirin Sekalian,

11. Penganjuran Hari Inovasi Nuklear Malaysia dan *Technology Preview & Showcase* 2026 tahun ini turut merangkumi Program Advokasi Nuklear dan Sudut Sains untuk mendekatkan teknologi nuklear kepada masyarakat. Usaha ini penting bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan keyakinan terhadap penggunaan teknologi nuklear secara aman serta manfaatnya dalam kehidupan seharian.

12. Pendekatan interaktif seperti *Nuclear Escape Room* dan aktiviti *hands-on* pula menjadikan sains lebih menarik dan mudah difahami, khususnya oleh generasi muda.

13. Pendekatan ini perlu terus diperkasakan untuk memupuk minat terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dan membangunkan bakat serta kepakaran teknologi nuklear bagi keperluan negara pada masa hadapan.

14. Justeru, saya menyeru para hadirin, rakan strategik dan pemain industri agar memanfaatkan program ini untuk berkongsi kepakaran, membina jaringan serta meneroka peluang kerjasama dan pengkomersialan. Marilah kita memastikan hasil penyelidikan tidak terhenti di makmal atau di atas kertas, sebaliknya diterjemahkan kepada produk, perkhidmatan dan penyelesaian yang menjana nilai ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

15. Saya berharap agar Hari Inovasi Nuklear Malaysia dan *Technology Preview & Showcase* terus menjadi pemangkin budaya inovasi, pengkomersialan dan pembangunan teknologi nuklear yang selamat, berdaya saing serta bermanfaat kepada negara.

16. Saya dengan sukacitanya merasmikan **Hari Inovasi Nuklear Malaysia dan *Technology Preview & Showcase* 2026.** Terima kasih.